

yang gagal memperbaiki kecacatan tersebut hendaklah didapatkan kembali daripada Kontraktor dengan memotong dari baki wang yang kena dibayar kepadanya, potongan atau tuntutan daripada Bon Perlaksanaan, atau potongan daripada Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan, atau dituntut sebagai hutang daripada kontraktor.

13.8.3 Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dan salinan-salinannya hendaklah juga diedarkan kepada semua pihak sepertimana yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut dan pihak-pihak lain yang terlibat dengan Kontrak.

13.8.4 Pengeluaran Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan menandakan tamatnya obligasi Kontraktor di bawah Kontrak. Liabiliti Bank, syarikat Insurans atau Syarikat Kewangan yang menjadi penjamin Bon Pelaksanaan, atau baki Wang Jaminan Pelaksanaan hendaklah juga dilepaskan.